

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI

(DUNGUN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah bayaran wang khairat kematian pencarum KWSP yang tuntutannya selepas enam bulan daripada tarikh kematian tidak dibayar oleh pihak KWSP dan apakah ada cadangan perubahan kepada polisi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran kematian merupakan bantuan yang diberikan kepada "waris atau orang tanggungan ahli" untuk menguruskan pengkebumian ahli dan meringankan beban kewangan waris ahli ketika ditimpa musibah. Ia bukan sebahagian

daripada kredit atau simpanan ahli, tetapi ia diambil daripada hasil pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jumlah bantuan kematian ini adalah RM2,500 dan layak dibayar kepada waris atau orang tanggungan ahli berdasarkan sebab-sebab berikut :

- i) Ahli warganegara Malaysia atau mendapat taraf Penduduk Tetap, meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun;
- ii) Permohonan dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian ahli. Tempoh 6 bulan adalah dianggap wajar bagi membantu waris ahli ketika berlaku kematian;
- iii) Bantuan ini diberi sekali sahaja mengikut budi bicara KWSP kepada mana-mana orang tanggungan ahli; dan
- iv) Ahli masih mempunyai simpanan semasa permohonan pengeluaran kematian dibuat.

Mulai 1 Januari 2018, KWSP telah membuat penambahbaikan dengan meningkatkan had usia ahli untuk menerima Bantuan Kematian daripada usia sebelum 55 tahun kepada sebelum mencapai umur 60 tahun.

249

SOALAN : 496

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

RUJUKAN : 10707

SOALAN :

**PR-1361-T01865 Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status tapak lama Ibu
Pejabat Polis Daerah Dungun dan perancangan kegunaan atau
pembangunan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tapak lama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dungun di Lot 1502 dan 1055 mula dikosongkan sejak 17 Februari 2001 ekoran penyiapan projek pembangunan baru IPD berkenaan. Bermula dari tahun tersebut, tapak seluas 3.72 ekar telah digunakan sebagai kawasan penyimpanan kenderaan dan stor barang kes bagi kegunaan IPD Dungun dan balai-balai polis dalam daerah tersebut.

Cadangan masa hadapan adalah untuk menaiktaraf kawasan penyimpanan kenderaan dan stor sedia ada kepada kemudahan yang lebih efektif dan teratur serta pembinaan bangunan pentadbiran dan kediaman bagi kegunaan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik.